

# 3 pertubuhan ikrar berdiri teguh di belakang

## 18 NOV 1981 Perdana Menteri

KUALA LUMPUR 17 Nov. — Tiga pertubuhan besar mewakili pendirian berbagai kaum di negara ini telah berikrar berdiri teguh di belakang pucuk pimpinan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad dalam menyelesaikan sebarang masalah yang berkaitan dengan rakyat.

Persatuan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCIM), Persatuan Guru - Guru Besar Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina Malaysia dan Persatuan Kebangsaan Profesion Perguruan (NUTP) menyampaikan ikrar tersebut kepada Datuk Sri Dr. Mahathir selepas pertandingan syarahan bahasa Malaysia Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Ma-

laysia, di Auditorium Dewan Bandaraya, di sini malam ini.

Ikrar ACCIM yang disampaikan oleh Presidennya Datuk Wee Boon Pin "menyokong penuh pucuk pimpinan di bawah Perdana Menteri sebagai ketua pemimpin. Pihak kami berdiri teguh dan memberi sokongan sepenuhnya dalam menyelesaikan sebarang masalah juga."

Sokongan NUTP terhadap pimpinan Perdana Menteri disampaikan oleh Presidennya Haji Mokhtar Haji Abdul Rahim yang berbunyi "kesetiaan kami tidak berbelah bagi dan NUTP akan memberi sokongan sepenuhnya dalam menyelesaikan sebarang masalah."

Pengerusi Persatuan Guru - Guru Besar Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina, Encik Tong Lee Poh pula menyampaikan ikrar bahawa "pihak kami akan berdiri di belakang Perdana Menteri dalam menyelesaikan sebarang masalah yang dihadapi oleh rakyat."

Semasa ikrar tersebut disampaikan kepada Datuk Sri Dr. Mahathir, Timbalan Menteri Pelajaran Datuk Dr. Tan Tiong Hong menjelaskan banyak lagi persatuan yang ingin menyani-

paikan pendirian teguh di belakang kepimpinan Perdana Menteri.

Terdahulu itu dalam ucapannya di pertandingan syarahan bahasa Malaysia tersebut, Datuk Dr. Tan menegaskan kepimpinan Perdana Menteri dapat disifatkan sebagai inovatif dan progresif untuk menyatupadukan berbagai kaum di negara ini.

Beliau menyeru semua rakyat bertenang dan berdiri teguh di belakang Perdana Menteri untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang bersatupadu.

Tambah beliau, penggunaan bahasa Malaysia sebagai bahasa perantaraan berbagai kaum di negara ini akan dapat mewujudkan masyarakat yang berharmonis dan bermoral tinggi.

Beliau membidas parti pembangkang, terutamanya DAP dalam memutar belitkan isu bahasa itu kerana dikatakan akan menghapuskan bahasa kaum lain sebagai bertujuan untuk mengelirukan fikiran rakyat.